

02/10/2002

Kedah dipilih perintis projek Satu Industri Satu Kampung

KUALA LUMPUR, Selasa - Kedah dipilih sebagai negeri perintis bagi pelaksanaan projek Satu Industri Satu Kampung yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan lagi.

Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi, berkata program itu adalah usaha menaik taraf projek Satu Produk Satu Kampung yang sudah dimulakan di satu atau dua kawasan di Kedah.

"Kementerian saya dan agensi di bawahnya dengan bantuan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang mengenal pasti produk yang berpotensi untuk dipasarkan dan mampu menarik pasaran.

"Kita cuba satu produk satu kampung dulu misalnya keropok yang mana ia dilakukan oleh pekerja separuh masa menggunakan Amalan Pengilangan Baik (GMP) dengan sasaran pasaran di pasar besar," katanya dalam sidang akhbar selepas perasmian Maha dan Hari Penternak, Peladang dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2002 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Effendi berkata, pada masa ini kementerian sedang mengkaji 10 produk utama yang berpotensi untuk dipasarkan mengikut konsep Satu Industri Satu Kampung.

"Produk itu umumnya adalah berasaskan makanan iaitu pemprosesan seperti keropok, tapai, sos yang biasanya menggunakan kaedah tradisional tetapi mudah untuk dijalankan serta mendapat pasaran luas," katanya.

Beliau berkata, projek perintis itu akan dimulakan di Kedah tetapi pihaknya belum mengenal pasti kawasan dan jenis produk yang akan diusahakan.

"Kita akan bina kilang moden untuk menjalankan perusahaan ini yang lebih terjamin dari segi mutu, kualiti, kebersihan serta menggunakan GMP," katanya.

Mengulas sama ada kerajaan memperuntukkan sejumlah dana untuk tujuan itu, beliau berkata, di setiap kampung ada persatuan peladang kawasan yang akan memberi bantuan dan kementerian akan membantu sekiranya ada keperluan.